

Ibu Bapa Perlu Beri Dorong Anak-anak Terus Belajar



Oleh: Farisa Hanis

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 5 Ogos 2021



Gambar hiasan

Pelajar sekolah di Malaysia kini hilang tumpuan untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akibat tidak dapat mengikuti sesi persekolahan secara bersemuka.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Tabung Darurat Kanak-Kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) melibatkan golongan B40 di beberapa kawasan sekitar Kuala Lumpur, kira-kira 60 peratus pelajar mula pudar semangat untuk melaksanakan pembelajaran secara dalam talian.

Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Rosninawati Hussin berkata, pembelajaran secara dalam talian menggantikan pertemuan bersemuka. Katanya, cabaran mendidik bukan mudah untuk para guru, para pelajar dan ibu bapa.

Sememangnya, tanggungjawab sebagai ibu bapa sangat diambil kira dalam memastikan pendidikan anak-anak terjamin pada masa hadapan.

Sekiranya bukan ibu bapa yang perlu mengambil perhatian, siapa lagi yang mahu membimbing anak-anak yang masih merangkak dalam mengenal dunia.

Lebih membimbangkan, Kajian Bank Dunia juga mendapati pandemik ini menyebabkan penutupan sekolah.

Akibatnya, kira-kira 72 juta pelajar sekolah menghadapi krisis 'kemunduran pembelajaran' iaitu pelajar yang tidak boleh membaca dan memahami teks mudah pada awal usia 10 tahun.

Perkara ini sangat penting dan tidak boleh dipandang enteng oleh masyarakat lebih-lebih lagi ibu bapa kerana anak-anak adalah pemacu kemajuan negara pada masa akan datang.

Sehubungan itu, ibu bapa tidak seharusnya menjadikan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai alasan untuk mengabaikan aspek pendidikan anak-anak.

Merujuk hadis riwayat Muslim, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud, kewajipan ibu bapa terhadap anaknya adalah memberi nama yang baik, mendidik sopan santun dan mengajar tulis menulis, renang, memanah, memberi makanan yang baik serta mengahwinkannya apabila ia telah dewasa.

Islam juga menekankan pendidikan terhadap anak-anak oleh ibu bapa kerana itu adalah jambatan untuk mereka untuk berfikir dan berkembang secara jasmani, rohani dan mental.

Dalam zaman yang serba canggih ini, kita tidak boleh mengetepikan isu seperti masalah gangguan internet serta peranti yang tidak cukup membantu dalam mengatasi hal-hal seperti ini.

Lantaran itu, sehingga kini, masalah internet adalah antara penyumbang utama yang menyebabkan anak-anak hilang motivasi belajar selain masalah cara penyampaian para guru yang kurang menarik.

Bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, mengutarakan beberapa cadangan dan penambahbaikan pembelajaran dalam talian.

Antaranya adalah mempraktikkan jadual anjal dalam sesi pembelajaran memfokuskan tahap pelajar yang mempunyai masalah seperti kekurangan peranti akibat adik-beradik yang ramai agar mereka boleh menggunakannya bukan secara serentak.

Langkah ini dapat membantu ibu bapa dalam memantau penggunaan peranti oleh anak-anak dengan lebih teratur. Pada masa yang sama, ibu bapa perlu mendampingi anak-anak agar minat mereka untuk belajar tidak luntur.

